

**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM  
86200 SIMPANG RENGGAM, JOHOR.**

1. (a) Skim Perkhidmatan : Penolong Arkitek Landskap
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi : Kejuruteraan
- (d) Gred Jawatan : JA29
2. JADUAL GAJI

**Jadual Gaji**

<b>Minimum</b>	RM 1,549.00
<b>Maksimum</b>	RM 5,701.00
<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>	RM 145.00
<b>Elaun Tetap Perumahan</b>	RM 300.00
<b>Elaun Tetap Khidmat Awam</b>	RM 160.00

3. SYARAT LANTIKAN
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - (a) warganegara Malaysia
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
    - (c)
      - (i) sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)
      - (ii) sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau
      - (iii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02).

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
5. TARAF JAWATAN : TETAP

## CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan harga RM 1.00/set di pejabat Majlis Majlis Daerah Simpang Renggam atau dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my>.

Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM,  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
**(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA),**  
86200 SIMPANG RENGGAM,JOHOR

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 OGOS 2017**

*(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)*

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan.Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan:

- i. salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- ii. salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
- iii. salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
- iv. 1 keping gambar yang terbaru berukuran passport
- v. lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan

Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan /Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan,Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005,Peraturan 17.

Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MUHAMMAD YUSOF BIN MD ESA)**

Setiausaha  
b/p Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Simpang Renggam